

04 OCT 1997

Hishammuddin

PEMUDA UMNO TETAP BERDIRI TEGUH DI BELAKANG MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keyakinan bahawa Dr Mahathir dapat menangani krisis mata wang yang melanda negara.

"Saya yakin Dr Mahathir bersama-sama timbalannya (Datuk Seri Anwar Ibrahim) akan memandu negara ini keluar dari belenggu krisis mata wang dan ekonomi yang dialami sejak beberapa bulan ini," kata Naib Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama dalam satu kenyataan.

Hishammuddin yang juga Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno menyelar dan mempersoalkan tindakan media antarabangsa mencadangkan supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan ekoran krisis mata wang.

Pergerakan itu, katanya, yakin ada pihak yang akan mengambil kesempatan daripada krisis mata untuk "cuba mengasing dan memulaukan Malaysia dari dunia; untuk cuba mengasing dan memulaukan Dr Mahathir dari rakyat Malaysia; dan cuba melaga-lagakan kepimpinan kita."

Beliau mengajak anggota pergerakan itu dan rakyat mengukuhkan perpaduan untuk bersama-sama Dr Mahathir menghadapi dan menangani masalah negara dengan melihat keutamaan yang betul.

"Kita kaya dengan adat dan budaya timur, dan janganlah kita jadi manusia dan masyarakat yang tidak mengenang budi, mengaut keuntungan semasa negara mewah dan berenang dalam kemakmuran, tetapi ketika negara mengharap sokongan dan bantuan, kita masih tetap mementingkan keuntungan yang boleh dibawa pulang," katanya.

Hishammuddin menyebut majalah Newsweek antara media luar negeri yang cuba mempengaruhi politik tempatan dengan cara keterlaluan menggesa Dr Mahathir meletakkan jawatan dan menyifatkan itu merupakan satu cara dan helah media barat untuk menggoncang kestabilan politik negara.

"Pemuda Umno merasa amat tercabar dan tersinggung dengan kenyataan itu," katanya sambil menegaskan rakyat Malaysia boleh menentukan siapa pemimpin mereka dan Malaysia tidak perlukan orang luar mengajarnya cara mentadbir.

Katanya agensi berita Associated Press pula memutarbelit fakta temuramah majalah TIME International dengan Anwar, memetik kononnya beliau memberi amaran Malaysia akan mengalami rusuhan kaum jika tidak dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya empat peratus setahun.

Majalah itu juga secara tersirat mencadangkan Dr Mahathir meletakkan jawatan dan memetik beberapa pemimpin Umno yang tidak senang dan marah dengan tindakan Perdana Menteri dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi negara sekarang.

"Saya ingin menegaskan bahawa Pergerakan Pemuda Umno dan rakyat Malaysia tetap berdiri teguh di belakang Perdana Menteri yang selama ini telah mencurahkan bakti dan tenaga dan memimpin negara selama lebih satu dekad," katanya.

-- BERNAMA

ZKS RON